

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH]

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan :-

- (a) proses peruntukan spektrum tambahan kepada Syarikat Altel; dan
- (b) keperluan pelesenan industri pengkomputeran awan dan impak sosioekonomi terhadap usaha pendigitalan perusahaan mikro, kecil, dan sederhana dan keputusan Kementerian berkenaan dengan dasar kabotaj negara yang semakin menjejaskan pelaburan langsung asing teknologi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses penguntukan spektrum tambahan kepada Syarikat Altel Communications Sdn. Bhd. adalah mengikut ketetapan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]).

Peruntukan spektrum tambahan kepada Syarikat Altel Communications Sdn. Bhd. adalah untuk memastikan pengagihan yang setara bagi menyokong perkhidmatan berkualiti kepada pengguna

SOALAN NO : 56

memandangkan syarikat tersebut mempunyai pegangan spektrum yang sedikit di kalangan pemberi perkhidmatan.

Penguntukan spektrum ini akan mengambil kira pelan spektrum, hasil penilaian pasaran, pengagihan yang setara untuk menyokong perkhidmatan berkualiti kepada pengguna, kepastian jangka panjang penguntukan serta penguntukan spektrum yang terdahulu yang telah dikeluarkan kepada pemegang lesen.

Sebelum mana-mana penguntukan spektrum boleh dikeluarkan, setelah mengambil kira syor daripada MCMC, suatu Penentuan Menteri akan didaftarkan untuk menentukan bahawa spektrum tersebut diagihkan semula melalui penguntukan spektrum.

Setelah Penentuan Menteri didaftarkan, tawaran penguntukan spektrum dikeluarkan kepada pemegang lesen sedia ada yang telah ditentukan. Tawaran tersebut mengandungi syarat-syarat yang perlu dipenuhi antaranya penggunaan spektrum yang lebih ketat yang perlu dipatuhi, dan terma dalam tawaran tersebut tidak boleh dirunding (*non-negotiable*). Penguntukan spektrum hanya akan dikeluarkan apabila kesemua syarat-syarat yang ditetapkan dipenuhi.

Pemantauan akan dibuat oleh MCMC sepanjang tempoh penggunaan spektrum oleh pemegang lesen bagi memastikan penggunaan spektrum mengikut pelan yang telah ditetapkan seperti di dalam syarat penguntukan spektrum. Sekiranya pemegang lesen didapati melanggar syarat-syarat penguntukan, tindakan boleh diambil oleh MCMC termasuklah menarik balik penguntukan spektrum tersebut.

Untuk makluman, perkhidmatan perumah jaring (*web-hosting*) atau pelanggan-pelayan (*client server*) adalah dikecualikan daripada pelesenan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM98). Setakat ini perkhidmatan pengkomputeran awan adalah perkhidmatan yang tidak dilesenkan.

Pelancaran inisiatif MyDIGITAL pada 19 Februari 2021 telah menyasarkan pemindahan 80% data awam ke persekitaran awan hibrid

SOALAN NO : 56

pada penghujung tahun 2022 di bawah dasar “*Cloud First Strategy*” bagi memangkin penerimgunaan digital (*digital adoption*) di Malaysia.

Kerajaan mengambil maklum keperluan kritikal keselamatan, privasi, perlindungan, dan aliran data untuk meyokong “*Cloud First Strategy*” tersebut. Berdasarkan laporan tersebut, dapat disimpulkan bahawa satu bentuk kawal selia yang teguh adalah kritikal untuk memangkin visi digital Malaysia.

Peningkatan penggunaan dan kebergantungan kepada perkhidmatan awan di Malaysia akan lebih ketara lebih-lebih lagi di sebabkan oleh pandemik Covid-19 yang memaksa pekerjaan dan pembelajaran dalam talian.

Selain itu, KKMM turut maklum terdapat keperluan untuk melindungi kepentingan pelabur, dan mewujudkan persekitaran yang dipercayai (*trusted environment*), melindungi aliran data di pusat data di samping menyelesaikan isu pengehosan aktiviti yang menyalahi undang-undang yang semakin meningkat.

Cadangan kawal selia ini masih dalam kajian dan proses perbincangan dengan pihak-pihak berkepentingan sedang giat dijalankan bagi memastikan tiada impak yang besar ke atas semua pihak. Kesemua aspek dan kesan langsung dan tidak langsung ke atas cadangan tersebut perlu diteliti sebelum sebarang keputusan dibuat.

KKMM mengambil maklum keperluan pendigitalan terutamanya kepada perusahaan kecil dan sederhana dan dalam masa yang sama mengakui kepentingan keselamatan data pengguna dan persekitaran yang dipercayai merupakan pemangkin utama penerimgunaan digital di Malaysia. Adalah penting untuk mencapai keseimbangan ini untuk kelestarian penerimgunaan digital di Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN KHALID BIN ABD SAMAD minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pembekalan peranti komputer riba ataupun tablet yang telah dijanjikan oleh pihak Kementerian bagi sekolah mahupun pelajar. Mohon jumlah peranti komputer atau tablet yang telah diterima oleh pelajar mahupun sekolah yang terpilih di bawah Parlimen Shah Alam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif Tabung CERDIK seperti yang diluluskan dalam Belanjawan 2021 adalah satu inisiatif pemberian peranti digital kepada 150,000 orang murid B40 yang dilaksanakan oleh Yayasan Hasanah, sebuah yayasan di bawah Khazanah Nasional. CERDIK merupakan satu inisiatif tanggung jawab sosial korporat (CSR) oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) bertujuan menyediakan peranti digital dan pelan data kepada murid B40 yang dikenal pasti.

SOALAN NO : 57

Yayasan Hasanah menguruskan sumbangan peranti digital termasuk pelan data daripada GLC dan GLIC serta menyelaras penghantaran peranti berkenaan ke Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Peranti digital yang diterima oleh KPM akan terus diagihkan kepada murid B40 yang telah dikenal pasti. Sehingga 18 September 2021, sebanyak 111,040 unit peranti digital dilengkapi dengan pelan data telah diserahkan kepada murid B40 di 895 sekolah seluruh negara. Manakala, 15,419 unit telah diterima daripada Yayasan Hasanah dan akan diagihkan kepada murid dalam masa terdekat. Baki 23,541 unit lagi akan diagihkan sebaik sahaja diterima daripada Yayasan Hasanah.

Bagi kawasan Parlimen Shah Alam, sebanyak 197 unit peranti digital dilengkapi dengan pelan data telah selesai diagihkan kepada murid B40 di Sekolah Kebangsaan Seksyen 24, Shah Alam.